



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## **SIARAN MEDIA**

### **DARI SEMENANJUNG KE SARAWAK: MISI PERPADUAN ANAK MALAYSIA**

---

Kementerian Perpaduan Negara melalui Yayasan Sukarelawan Siswa akan melaksanakan inisiatif “**MADANI Berkhidmat: Misi Sukarelawan Siswa ke Sarawak 2026**” bermula **3 hingga 20 April 2026** di beberapa lokasi di negeri Sarawak iaitu **Miri (Telang Usan dan Bario), Sibu (Kanowit), Kapit (Song), Sri Aman (Melugu), Betong serta Batang Lupar (Pusa)**.

Kerajaan MADANI terus mengangkat **nilai kesukarelawanan sebagai teras utama dalam usaha memperkukuh perpaduan negara**, selaras dengan aspirasi membina sebuah masyarakat yang inklusif, berdaya tahan dan berteraskan nilai kemanusiaan.

YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara berkata semangat kesukarelawanan bukan hanya terhad kepada khidmat bakti semata-mata, tetapi menjadi **wadah penting yang merapatkan jurang antara kaum, agama, wilayah dan latar belakang sosioekonomi**. Melalui penglibatan aktif dalam aktiviti kemasyarakatan, rakyat didorong untuk saling memahami, menghormati serta membina kepercayaan yang menjadi asas kukuh kepada perpaduan nasional.

## **UNTUK SIARAN SEGERA**

Sehubungan itu, misi ini akan melibatkan pelbagai aktiviti berimpak tinggi termasuk program pendidikan komuniti, pembangunan belia, khidmat sosial serta inisiatif memperkasa kesejahteraan penduduk setempat.

Kementerian Perpaduan Negara yakin bahawa usaha ini akan terus menyemarakkan budaya kesukarelawanan dalam kalangan belia serta menjadi pemangkin kepada pembinaan negara bangsa yang bersatu padu, progresif dan berdaya tahan.

### **KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA**

4 April 2026

KPN.100-9/1/16 ( 24 )

